

GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO

**KOLEJ
KOMUNITI
PASIR MAS**

***EDISI 1
2023***



GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS

| | |
|-----------------------------------|---|
| EDISI | 1 |
| TARIKH KUAT KUASA | 01 Januari 2023 |
| DISEDIAKAN OLEH | 1. Azre Bin Arifin 2. Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri 3. Siti Marhaini Binti Md Resadi 4. Muhamad Nor Sadiqin Bin Ramli |
| PANEL PENILAI | 1. Siti Norsyuhanas Binti Mohd Nasri 2. Mohd Azian Bin Husin @ Che Hamat |
| DILULUSKAN OLEH TARIKH | Fathuddin Aizat Bin Che Mohd Ariff 01 Disember 2022 |

Edisi Pertama
Cetakan pertama 2023
© Kolej Komuniti Pasir Mas, 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar pada apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Ketua Editor:
Azre Bin Arifin

Editor:
Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri
Siti Marhaini Binti Md Resadi
Muhamad Nor Sadiqin Bin Ramli

Diterbitkan oleh:
Kolej Komuniti Pasir Mas
Kementerian Pendidikan Tinggi
Lot 3302-3307, Taman Sri Kota, Pasir Pekan,
16250 Wakaf Bharu,
Kelantan



09-7185911



09-7185900



<https://upikkpmas.weebly.com/garis-panduan-pengurusan-risiko.html>

e ISBN 978-967-19132-6-0



9 789671 913260

KANDUNGAN

| | |
|-----------------------|---|
| Prakata & Penghargaan | 3 |
| Sidang Editor | 4 |

BAHAGIAN A: TERMA DAN RUJUKAN

| | |
|---------------|---|
| 1. Definisi | 6 |
| 2. Singkatan | 7 |
| 3. Pengenalan | 9 |

BAHAGIAN B: PENGENALAN

| | |
|--------------------|----|
| 4. Definisi Risiko | 11 |
| 5. Definisi Hirarc | |

BAHAGIAN C: RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

| | |
|------------------------------|----|
| 6. Peranan dan Tanggungjawab | 19 |
|------------------------------|----|

BAHAGIAN D: PROSES PENGURUSAN RISIKO

| | |
|---|----|
| 7. Gambaran Keseluruhan | 21 |
| 8. Langkah 1 : Membentuk Konteks | 22 |
| 9. Langkah 2 : Mengenal pasti Risiko | 23 |
| 10. Langkah 3 : Menganalisis Risiko | 24 |
| 11. Langkah 4 : Tindakan ke atas Penilaian Risiko | 27 |
| 12. Langkah 5 : Kawalan Risiko | 28 |
| 13. Jadual Pendaftar Risiko KKPMAS | 29 |
| 14. Pemantauan dan Semakan Semula | 30 |
| 15. Komunikasi dan Perundingan | 31 |

| | |
|-----------------|-----------|
| LAMPIRAN | 33 |
|-----------------|-----------|

PRAKATA



Garis Panduan Pengurusan Risiko KKPMAS diterbitkan untuk diguna pakai oleh semua warga KKPMAS dalam menetapkan matlamat untuk merealisasikan Visi dan Misi KKPMAS. KKPMAS perlu memastikan bahawa segala unsur yang berkaitan adalah tersedia bagi mengurus pelbagai risiko yang mungkin timbul daripada persekitaran yang mungkin berubah. Pengurusan risiko yang bersepadu akan dapat mewujudkan satu sistem kawalan yang boleh memberi jaminan yang munasabah bahawa KKPMAS berupaya mencapai objektifnya pada tahap risiko yang boleh diterima.

Objektif Garis Panduan Pengurusan Risiko adalah untuk memberi panduan kepada semua Jabatan dan Unit KKPMAS dalam menguruskan risiko setiap aktiviti bagi memastikan ancaman atau peluang risiko dapat diurus dengan berkesan ke arah pencapaian Matlamat Organisasi KKPMAS. Garis Panduan Pengurusan Risiko mengandungi tiga (3) pendekatan seperti berikut:

1. Mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi oleh KKPMAS dengan menggunakan teknik yang sesuai dengan sifat risiko tersebut.
2. Menganalisis risiko yang telah dikenal pasti untuk mengetahui faktor penyumbang dan impak daripada risiko tersebut.
3. Mengawal tahap risiko bagi memastikan risiko tersebut diuruskan dengan baik.

FATHUDDIN AIZAT BIN CHE MOHD ARIFF

Pengarah

Kolej Komuniti Pasir Mas

PENGHARGAAN

Kolej Komuniti Pasir Mas ingin merakam setinggi penghargaan kepada semua individu, JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti yang menyumbang idea secara langsung dan tidak langsung sepanjang penyediaan garis panduan ini.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Pengurusan Risiko KKPMAS

SIDANG EDITOR

| | |
|-----------------|--|
| Pengerusi | : Fathuddin Aizat bin Che Mohd Ariff |
| Ketua Editor | : Azre Bin Arifin |
| Editor | : 1. Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri : 2. Siti Marhaini Binti Md Resadi : 3. Muhamad Nor Sadiqin Bin Ramli |
| Panel penilai | : 1. Siti Norsyuhana Binti Mohd Nasri Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Pasir Mas : 2. Mohd Azian Bin Husin @ Che Hamat Timbalan Pengarah Kolej Komuniti Pasir Mas Caw. Rantau Panjang |
| Penerbitan Oleh | : Kolej Komuniti Pasir Mas Kementerian Pendidikan Tinggi |

BAHAGIAN A TERMA DAN RUJUKAN

TERMA DAN RUJUKAN

1. DEFINISI

Jadual Risiko & Jadual Pendaftaran Risiko adalah rekod mengandungi maklumat tentang risiko yang telah dikenal pasti.

Dasar Pengurusan Risiko KKPMAS adalah pernyataan niat dan hala tuju Kolej Komuniti Pasir Mas (KKPMAS) yang berkaitan dengan pengurusan risiko secara keseluruhan.

Kawalan Risiko adalah kawalan ke atas proses, polisi, peranti atau amalan yang mengubah risiko.

Matrik risiko adalah mekanisma pengukuran yang menganggarkan tahap risiko aktiviti KKPMAS melalui julat risiko bermula dari risiko rendah sehingga tinggi dan menggunakan kod warna.

Pengurusan Risiko adalah merujuk kepada aktiviti kawalan risiko yang dilaksanakan di KKPMAS.

Profil Risiko adalah keterangan lanjut setiap risiko secara terperinci.

Proses Pengurusan Risiko adalah pemakaian dasar pengurusan, prosedur dan amalan yang sistematik bagi aktiviti komunikasi, perundangan, mewujudkan konteks, mengenal pasti, menganalisis, menilai, rawatan, pemantauan dan semakan semula risiko.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko adalah set komponen yang membekalkan asas dan urusan organisasi untuk mereka bentuk, melaksana, memantau, mengkaji semula dan terus mempertingkatkan pengurusan risiko seluruh organisasi.

HIRARC adalah Pengenalpastian Hazard, Penafsiran Risiko dan Kawalan risiko merupakan kaedah bagi membolehkan sesuatu organisasi menguruskan hazard yang wujud ditempat kerja mereka dengan lebih berkesan.

2. SINGKATAN

| | |
|--------------------|--|
| JPR | Jadual Pendaftaran Risiko |
| JKPR KKPMAS | Jawatankuasa Pengurusan Risiko |
| PR KKPMAS | Pengurusan Risiko KKPMAS |
| PS KKPMAS | Pelan Strategik KKPMAS |
| HIRARC | Pengenalpastian Hazard, Penafsiran Risiko dan Kawalan risiko |
| KKPMAS | Kolej Komuniti Pasir Mas |

BAHAGIAN B Pengenalan

PENGENALAN

Kolej Komuniti Pasir Mas adalah sebuah Kolej Cawangan di bawah Kampus induk Kolej Komuniti Kuala Terengganu mula beroperasi di kampus sementara di Politeknik Kota Bharu, Kok Lanas, Kelantan pada April 2008 dan pada Januari 2009 berpindah di bangunan rumah kedai Pasir Pekan, Kolej Komuniti Cawangan Pasir Mas telah membuat penawaran program sepenuh masa iaitu Sijil Pengoperasian Perniagaan di kampus Pasir Pekan.

KK Pasir Mas menawarkan Sijil Perakauan Perniagaan untuk pengambilan pertama. Pada April 2010, KK Pasir Mas telah berada di bawah kampus induk Kolej Komuniti Kok Lanas. Pada Januari 2011, KK Pasir Mas telah menawarkan Program baru iaitu Program Sepenuh Masa (SMK) . Selain program sepenuh masa, KK Pasir Mas juga menjalankan kursus pendek bersesuaian dengan permintaan tempatan bagi memberi peluang kepada Komuniti untuk menambah kemahiran dan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang seperti masakan, keagamaan, jahitan, pengkomputeran dan sebagainya.

Pada Oktober 2012 hingga kini , Kolej Komuniti Pasir Mas telah menjadi Pusat Tanggungjawab Sendiri (PTJ). Segala urusan semua diuruskan disini. KK Pasir Mas kini telah menyewa rumah kedai di PT 3302-3307, Taman Sri Kota, Pasir Pekan, 16250 Wakaf Bharu Kelantan. KK Pasir Mas mempunyai seramai 31 orang kakitangan terdiri daripada pelbagai kelulusan dan diketuai oleh En. Hafizullah bin Samsudin selaku Pengarah. Program yang ditawarkan ialah Sijil Pengoperasian Perniagaan. Pada tahun 2018, KK Pasir Mas telah mempunyai kolej cawangan iaitu Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang yang berada di Rantau Panjang dengan menawarkan Sijil Perkhidmatan Logistik.



VISI

" Menjadi Peneraju Institusi TVET Yang Unggul "

MISI

- 1. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf**
- 2. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat**
- 3. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang**
- 4. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan**

DEFINISI RISIKO

Apakah itu risiko?

Risiko ialah sesuatu yang kita sebagai individu, hadapi setiap hari. Manusia sentiasa membuat keputusan berdasarkan risiko. Keputusan yang mudah dalam kehidupan sehari-hari seperti memandu, melintas jalan dan pelaburan wang, semuanya mempunyai risiko.

Risiko adalah gabungan kemungkinan dan keterukan bagi kejadian berhazard tertentu yang berlaku. Dari segi matematik, risiko boleh dihitung dengan persamaan –

Risiko = Kemungkinan x Keterukan

di mana,

Kemungkinan ialah kejadian yang mungkin berlaku dalam tempoh khusus atau dalam keadaan tertentu; dan

Keterukan ialah hasil daripada kejadian yang berlaku seperti teruknya kecederaan atau kesihatan manusia, atau kerosakan harta, atau gangguan kepada alam sekitar, atau apa-apa gabungan hasil yang disebabkan oleh kejadian tersebut.

DEFINISI HIRARC

HIRARC adalah alat integrasi untuk mengenal pasti, menilai / mengukur dan mengawal bahaya dan risiko mana-mana tempat kerja dan aktiviti-aktivitinya, ia adalah kehendak perundangan OSHA dan boleh membantu membentuk budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Tujuan HIRARC

Tujuan HIRARC adalah:

- a. untuk mengenal pasti semua faktor yang mungkin boleh mendatangkan mudarat kepada pekerja dan orang lain (hazard);
- b. untuk mempertimbangkan kemungkinan mudarat tersebut menimpa sesiapa dalam keadaan tertentu dan keterukan yang mungkin boleh timbul daripadanya (risiko); dan
- c. untuk membolehkan majikan merancang, memperkenalkan dan memantau Langkah pencegahan untuk memastikan risiko tersebut dikawal secukupnya sepanjang masa.

Merancang Aktiviti HIRARC

Aktiviti HIRARC hendaklah dirancang dan dijalankan:

- a. bagi situasi:
 - i. apabila hazard mendatangkan ancaman besar;
 - ii. tidak pasti sama ada kawalan sedia ada mencukupi ataupun tidak; atau/dan
 - iii. sebelum melaksanakan langkah pembetulan atau pencegahan.
- b. oleh organisasi yang mana bertujuan menambah baik Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) secara berterusan.

Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk menetapkan kakitangan terlatih bagi mengetuai pasukan pekerja yang berkaitan dengan proses atau aktiviti tertentu bagi menjalankan HIRARC.

Proses HIRARC

Proses HIRARC memerlukan empat langkah mudah:

- a. mengelaskan aktiviti kerja;
- b. mengenal pasti hazard;
- c. menjalankan penaksiran risiko (membuat analisis dan menganggarkan risiko daripada setiap hazard), dengan menentukan atau menjangkakan:
 - i. kemungkinan berlakunya hazard, dan
 - ii. keterukan hazard;
- d. memutuskan sama ada risiko boleh diterima dan menggunakan langkah kawalan (jika perlu).

BAHAGIAN C
RANGKA KERJA
PENGURUSAN RISIKO

POLISI PENGURUSAN RISIKO

1. PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO

Prinsip utama menggariskan pendekatan untuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah seperti berikut :

- Pengurusan/ pegawai yang dilantik mempunyai tanggungjawab untuk menyelia pengurusan risiko secara keseluruhan.
- Pihak Pengurusan bersedia mengambil pendekatan yang terbuka untuk menyelesaikan masalah risiko.
- Pengurusan perlu memberi sokongan, menasihati dan melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh pengarah.
- Pihak Kolej membuat pengiktirafan konservatif, berhemah serta telus terhadap implikasi risiko kewangan dan bukan kewangan.
- Pegawai, Penyelaras, Ketua Program/ Unit, bertanggungjawab untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang baik dalam kolej dan unit masing-masing.
- Petanda risiko penting akan dikenal pasti dan dipantau dengan rapi secara berkala.

2. PERANAN PIHAK PENGURUSAN

Pihak Pengurusan mempunyai peranan penting dalam pengurusan risiko. Peranannya adalah untuk:

- a) Menanam budaya pengurusan risiko dalam Kkpmas. Ini termasuk:
 - i. menetapkan sama ada Kkpmas mempraktik 'pengambilan risiko' atau penyahan risiko' secara keseluruhan mengenai isu yang berkaitan.
 - ii. menentukan jenis risiko yang boleh diterima dan tidak.
- b) Menentukan 'risk appetite' yang sesuai atau tahap pendedahan risiko bagi kolej.
- c) Meluluskan keputusan utama yang mempengaruhi profil risiko atau pendedahan risiko.
- d) Memantau pengurusan risiko penting untuk mengurangkan kemungkinan

- perkara yang tidak diingini.
- e) Memastikan juga risiko yang kurang penting diuruskan secara aktif, dengan kawalan yang sesuai bagi suasana kerja yang berkesan.
 - f) Meluluskan perubahan atau penambahbaikan kepada elemen utama proses dan prosedur.

3. PERANAN AJK PENGURUSAN RISIKO

Peranan utama pasukan pengurusan kanan adalah untuk:

- a) Melaksanakan dasar pengurusan risiko dan kawalan dalaman.
- b) Mengenal pasti dan menilai risiko penting yang dihadapi oleh KKPMAS untuk pertimbangan pengurusan.
- c) Menyediakan maklumat yang mencukupi pada masa yang tetap kepada pengurusan mengenai status risiko dan kawalan.
- d) Menjalankan kajian semula tahunan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan menyediakan laporan kepada pengurusan.

4. PENGURUSAN RISIKO SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM KAWALAN DALAMAN

Sistem kawalan dalaman menggabungkan pengurusan risiko. Sistem ini merangkumi beberapa unsur yang juga memudahkan operasi yang berkesan dan cekap, membolehkan KKPMAS untuk bertindak balas terhadap pelbagai risiko operasi, kewangan dan komersial. Unsur-unsur ini termasuk:

a) Dasar dan prosedur

Selain daripada risiko penting, terdapat satu siri dasar yang menyokong proses kawalan dalaman. Dasar ini ditetapkan oleh lembaga pengarah yang dilaksanakan dan disampaikan oleh pengurusan kepada kakitangan. Prosedur bertulis boleh menyokong dasar yang bersesuaian.

b) Laporan berkala

Laporan komprehensif berkala bertujuan untuk memantau risiko penting dan kawalan mereka. Keputusan untuk penambahbaikan ke atas sebarang permasalahan dibuat dalam mesyuarat tetap pasukan pengurusan kanan dan lembaga pengarah jika

sesuai. Mengekalkan rekod sewajarnya.

c) Perancangan bisnes dan belanjawan.

Perancangan bisnes dan proses belanjawan digunakan untuk menetapkan objektif, persetujuan pelan tindakan, dan memperuntukkan sumber. Kemajuan ke arah memenuhi objektif pelan bisnes akan sentiasa dipantau.

d) Rangka kerja risiko tahap tinggi (risiko penting sahaja)

Rangka kerja ini disusun bagi membantu dan memudahkan pengenalan, penilaian dan pemantauan berterusan risiko yang penting. Dokumen tersebut secara rasmi dinilai setiap tahun iaitu kewujudan risiko ditambah sebagaimana yang dikehendaki.

e) Program Audit Dalaman

Audit dalaman adalah elemen penting dalam proses kawalan dalaman. Pasukan Audit dikehendaki melaporkan kepada pengurusan mengenai kawalan dalaman dan memaklumkan tentang kemunculan mana-mana isu baru. Selain daripada program kerja, audit dalaman bertanggungjawab bagi aspek keberkesanan kajian semula tahunan bagi sistem kawalan dalaman, dalam organisasi.

f) Audit luaran

Audit luaran menyediakan maklum balas kepada Pasukan Audit mengenai operasi kawalan kewangan dalaman yang dibuat kajian semula sebagai sebahagian daripada audit tahunan.

g) Laporan pihak ketiga

Dari semasa ke semasa, penggunaan perunding luar adalah perlu dalam bidang seperti kesihatan, keselamatan, dan sumber manusia. Penggunaan pihak pakar ketiga untuk berunding serta menyediakan laporan boleh meningkatkan kebolehpercayaan sistem kawalan dalaman.



Rajah 1 : Jawatankuasa Pengurusan Risiko KKPMAS

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Keupayaan KKPMAS untuk menjalankan pengurusan risiko yang berkesan bergantung kepada struktur tadbir urus risiko yang telah ditetapkan dan peranan serta tanggungjawab yang telah ditetapkan dengan jelas. Untuk itu, tanggungjawab pengurusan risiko secara individu dan kolektif telah ditetapkan dengan jelas agar risiko diuruskan dengan berkesan.

KKPMAS telah menubuhkan jawatankuasa yang bertanggungjawab secara konsisten dengan pendekatan yang diluluskan oleh KKPMAS. Ini supaya pengurusan risiko tidak semata-mata mempunyai proses yang jelas tetapi juga mempertimbangkan kesan perubahan tingkah laku yang diperlukan untuk pengurusan risiko dimasukkan ke dalam semua aktiviti KKPMAS.

| Tanggungjawab | Tindakan |
|--|--|
| Jawatankuasa Risiko | Merancang, menyelaras penetapan risiko dan memantau pelaksanaan pengurusan risiko di KKPMAS. |
| Pengarah | Memantau dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko di KKPMAS |
| Timbalan Pengarah/ Pengurus Risiko | Memantau, menyelaras perancangan risiko hal-hal berkaitan akademik |
| Timbalan Pengarah/ Pengurus Kualiti | Memantau, menyelaras perancangan risiko hal-hal berkaitan sokongan akademik |
| Pegawai Risiko | Sebagai setiausaha jawatankuasa pengurusan risiko, penyelaras perancangan, pengurusan dan pemantauan pelaksanaan pengurusan risiko di KKPMAS |
| Pegawai/ Ketua Unit | Memantau dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan pengurusan risiko di jabatan/unit masing-masing |
| Kakitangan | Menguruskan risiko secara sistematik di kawasan kerja masing-masing |
| Kontraktor/ | Memantau dan memastikan pengurusan risiko selaras dengan perancangan pelaksanaan pengurusan risikodi kawasan masing-masing |


Jadual 1: Jawatankuasa Pengurusan Risiko KKPMAS

BAHAGIAN D
PROSES
PENGURUSAN RISIKO

PROSES PENGURUSAN RISIKO

GAMBARAN KESELURUHAN

Proses pengurusan risiko melibatkan beberapa langkah yang penting. Setiap langkah mestilah dikendalikan dengan cekap dan berkesan di samping menggunakan sumber dalaman dan luaran yang lebih dikenal pasti kebolehpercayaannya. Hasil PR KKPMAS sangatlah penting bagi menggambarkan risiko sebenar yang dihadapi oleh KKPMAS. Semua langkah hendaklah diintegrasikan dari awal lagi sehinggalah tamatnya sesuatu proses projek tersebut. Risiko yang telah dikenal pasti bagi setiap skop pengurusan risiko KKPMAS mestilah di ambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan matrik yang telah dibangunkan. Secara amnya, langkah PR KKPMAS adalah seperti di Rajah 2.



Rajah 2 Langkah Pengurusan Risiko dan Peluang KKPMAS

Sumber: Risk Management – Principles & Guidelines MS ISO 31000: 2010

LANGKAH 1: MEMBENTUK KONTEKS

Langkah yang pertama bermula dengan membentuk konteks risiko. Membentuk konteks ialah salah satu rangka kerja utama dalam langkah penilaian risiko. Ia perlu dibentuk berdasarkan latar belakang skop yang hendak dinilai dan boleh dilakukan dengan mengenal pasti dengan jelas objektif bagi setiap proses di KKPMAS. Faktor dalaman dan luaran yang terlibat dalam program tersebut dan potensi untuk memberi kesan kepada tahap risiko juga perlu dikenal pasti di peringkat ini. Proses terlibat dalam langkah 1 adalah seperti di bawah:

- i) Menetapkan skop
 - Mengenal pasti dan menetapkan skop apakah yang dinilai. Skop ini boleh merujuk kepada proses baru ataupun yang sedia ada.

- ii) Menentukan objektif umum
 - Objektif umum perlu ditentukan dan ianya mestilah boleh diukur. Ianya perlu mengambil kira aspek perundangan dan kehendak KKPMAS.

- iii) Mengenal pasti pemegang taruh yang berkenaan
 - Mengenal pasti pemegang taruh dan menjelaskan peranan dan tanggungjawab dalam skop tersebut.

- iv) Mengumpul maklumat latar belakang
 - Beberapa maklumat yang penting perlu diperolehi dari sumber yang tepat dan relevan. Maklumat mesti dikumpul oleh pegawai yang telah dilantik bagi mengelakkan kekeliruan sumber informasi pada masa akan datang. Contoh maklumat yang boleh di pertimbangkan ialah:
 - Pelan strategik politeknik dan kolej komuniti;
 - Laporan audit, pemeriksaan dan lawatan tapak;
 - Pengalaman/sejarah peribadi;
 - Laporan kejadian penyiasatan insiden lepas;
 - Kaji selidik, soal selidik dan senarai semak;
 - Pengalaman di peringkat dalam atau luar negara;

- Temu bual;
- Perbincangan kumpulan;
- Rekod sejarah; dan
- Maklumat lain yang bersesuaian.

LANGKAH 2: MENGENAL PASTI RISIKO

Langkah kedua pula ialah mengenal pasti risiko. Mengenal pasti risiko dan menentukan risiko adalah berdasarkan kategori seperti strategik, kewangan, operasi, peraturan dan pengurusan pengetahuan. Ianya boleh dilakukan dengan menggunakan teknik penilaian yang sesuai dengan sifat risiko tersebut. Penilai mestilah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang membolehkan beliau membuat pengenalpastian. Teknik yang betul dapat membantu mengenal pasti risiko lebih awal supaya impak ke atas visi dan misi politeknik dapat dijangkakan. Beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan dalam langkah ini ialah seperti berikut:

- i. Apakah perkara yang berkemungkinan akan mengganggu pencapaian visi dan misi KKPMAS?
- ii. Bagaimana risiko ini boleh berlaku dan berapakah kekerapan insiden?
- iii. Di manakah lokasi risiko yang boleh berlaku?
- iv. Apakah faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi risiko ini boleh berlaku?
- v. Adakah magitud impak risiko tersebut hanya pada jabatan dan unit KKPMAS atau menjejaskan keseluruhan imej KKPMAS?
- vi. Adakah faktor perkongsian atau kerjasama program bersama entiti lain menyumbang kepada faktor risiko?

Kaedah mengenal pasti risiko yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

- i. Pemerhatian;
- ii. Pemeriksaan;
- iii. Audit;
- iv. Sumbang saran (Brainstorming);

- v. Teknik Nominal Berkumpulan;
- vi. Kajian Pengendalian dan Hazard (HAZOP);
- vii. Pengenalpastian Hazard, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC);
- viii. Pengawasan
- ix. Pemantauan; dan
- x. Kaedah lain yang bersesuaian.

LANGKAH 3: MENGANALISIS RISIKO

Langkah yang ketiga melibatkan analisis risiko dan ianya bertujuan untuk mengetahui faktor penyumbang dan impak daripada risiko tersebut secara lebih jelas. Analisis juga akan melihat kepada kekuatan dan kelemahan sistem PR KKPMAS mengikut skop yang telah pun dikenal pasti lebih awal. Proses terlibat dalam langkah ketiga ialah seperti berikut:

- i. Menenal pasti kaedah kawalan risiko sedia ada.
 - Contoh kawalan risiko yang perlu dikenal pasti ialah undang-undang, dasar, prosedur, latihan, kompetensi staf, pembahagian tugas, langkah perlindungan aset dan lain.
- ii. Menganalisis risiko setelah kawalan risiko dikenal pasti.
 - Penentuan kemungkinan dan keterukan risiko ditentukan melalui kaedah semi-kuantitatif.
- iii. Menilai kemungkinan risiko mengikut tahap berdasarkan kepada PR KKPMAS.
- iv. Menilai kesan keterukan risiko mengikut tahap berdasarkan kepada matrik PR KKPMAS.
- v. Nilaikan tahap risiko berdasarkan kepada matrik PR KKPMAS.

Pengukuran risiko secara kaedah semi-kuantitatif boleh dinilai menggunakan formula berikut:

$$\text{Risiko (Risk,R)} = \text{Kemungkinan (Likelihood, L)} \times \text{Keterukan (Severity, S)}$$

Kemungkinan (*likelihood*) ialah insiden yang mungkin akan berlaku pada tempoh masa tertentu yang boleh menjejaskan matlamat strategik, operasi, kewangan, peraturan dan pengurusan pengetahuan di KKPMAS. Kemungkinan boleh dinilai berdasarkan statistik kekerapan insiden yang telah berlaku. Tahap kemungkinan adalah merujuk kepada julat daripada ‘paling mungkin’ hingga ‘tidak dapat dijangka’ dan bergantung kepada kesesuaian pihak pemilik proses seperti contoh Jadual 2.

| Indeks Keberangkalan Risiko | | |
|------------------------------------|-------------------------------|---|
| Penilaian | Keberangkalan (Likelihood) | Huraian |
| 5 | Sangat Tinggi | 80-100% ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |
| 4 | Tinggi | 55-79% ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |
| 3 | Sederhana | 30-54% ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |
| 2 | Rendah | 5-29% ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |
| 1 | Sangat Rendah | 0-4% ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |

Jadual 2: Contoh Jadual Kemungkinan

Keterukan (*severity*) bermaksud kesan tahap kemudratan yang berlaku akibat berlakunya insiden. Tahap kemudratan ini dinilai ke atas kesan negatif yang boleh menjejaskan visi dan misi KKPMAS (Jadual 5).

| Indeks Impak Risiko | | |
|---------------------|----------------|---|
| Penilaian | Impak (Impact) | Huraian |
| 5 | Sangat Tinggi | Gagal ketakakuran pelaksanaan aktiviti Takwim KKPMAS. |
| 4 | Tinggi | Kesannya sangat negatif pada jangka pertengahan hingga jangka panjang. |
| 3 | Sederhana | Kesannya negatif yang akan timbul terhadap KKPMAS pada jangka masa sederhana. |
| 2 | Rendah | Kesan negatif yang akan timbul terhadap KKPMAS pada jangka masa pendek |
| 1 | Sangat Rendah | Tidak menimbulkan banyak kesulitan atau risiko yang penting kepada KKPMAS. |

Jadual 3: Contoh Jadual Impak

Matrik Penilaian Risiko (Jadual 6) digunakan untuk memberikan anggaran tahap risiko setelah kemungkinan dan keterukan dikenal pasti. Peranan langkah kawalan risiko sedia ada perlu diambil kira dalam menggunakan matrik ini. Matrik ini menggunakan perbezaan warna untuk membezakan tahap risiko iaitu hijau (R=rendah), Oren = (S = sederhana) kuning (T= tinggi) dan merah (ST=sangat tinggi).

| | | LIKELIHOOD | | | | |
|--------|---------------|------------------|------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | | Very Low (1) | Low (2) | Moderate (3) | High (4) | Very High (5) |
| IMPACT | Very Low (1) | LOW RISK 1 | LOW RISK 2 | LOW RISK 3 | MEDIUM RISK 4 | MEDIUM RISK 5 |
| | Low (2) | LOW RISK 2 | MEDIUM RISK 4 | MEDIUM RISK 6 | HIGH RISK 8 | HIGH RISK 10 |
| | Moderate (3) | LOW RISK 3 | MEDIUM RISK 6 | HIGH RISK 9 | HIGH RISK 12 | VERY HIGH RISK 15 |
| | High (4) | MEDIUM RISK 4 | HIGH RISK 8 | HIGH RISK 12 | VERY HIGH RISK 16 | VERY HIGH RISK 20 |
| | Very High (5) | MEDIUM RISK 5 | HIGH RISK 10 | VERY HIGH RISK 15 | VERY HIGH RISK 20 | VERY HIGH RISK 25 |

Jadual 4: Matrik Penilaian Risiko

- Jika jumlah matrik sama, keutamaan diberi kepada nilai keterukan

LANGKAH 4: TINDAKAN KE ATAS PENILAIAN RISIKO

Langkah ke empat adalah menilai risiko iaitu bagi menentukan sama ada risikoini boleh diterima atau sebaliknya (Jadual 7). Penilai hendaklah mempertimbangkan beberapa faktor penting seperti berikut sebelum ke langkah yang seterusnya. Di antara faktor tersebut ialah:

- i. Tiada kaedah rawatan risiko yang sesuai boleh diperolehi.
- ii. Kos rawatan risiko yang tinggi atau tidak munasabah.
- iii. Tahap risiko yang rendah.
- iv. Magnitud risiko iaitu peluang atau kesan positif yang ada melebihi ancaman risiko.

Pemantauan dan semakan semula secara berterusan adalah perlu dilakukan kepada risiko yang boleh diterima oleh politeknik. Ianya penting kerana setiap risiko yang dikenal pasti adalah bersifat dinamik dan boleh berubah mengikut keadaan.

| TAHAP RISIKO | PENERANGAN, TINDAKAN, KAWALAN/MITIGASI |
|-------------------------------|---|
| RENDAH 1-3 | Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada. |
| SEDERHANA 4-7 | Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. |
| TINGGI 8-12 | Risiko tinggi, perlu diberi perhatian oleh pengurusan atasan Kolej Komuniti Pasir Mas (KKPMAS). |
| SANGAT TINGGI 13-25 | Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan |

Jadual 5: Tindakan ke atas Penilaian Risiko

Risiko yang tidak boleh diterima hendaklah dibawa ke langkah seterusnya iaitu rawatan risiko.

LANGKAH 5: KAWALAN RISIKO

Langkah kelima ialah kawalan ataupun merawat risiko yang bertujuan untuk mengawal risiko yang tidak boleh diterima. Pemilihan kawalan yang sesuai adalah penting untuk mengurangkan kemungkinan atau kesan keterukan kejadian risiko tersebut. Berikut adalah pertimbangan yang perlu difikirkan dalam proses pemilihan kawalan risiko:

- i. Keperluan membuat keputusan untuk risiko yang memerlukan rawatan khusus. Keadaan ini berlaku jika risiko itu tidak dapat dirawat dengan prosedur atau proses aktiviti yang biasa diamalkan.
- ii. Menentukan jenis rawatan risiko yang sesuai dengan mempertimbangkan faktor berikut:
 - Rawatan risiko yang dipilih tidak menimbulkan risiko yang baharu;
 - Menghapuskan punca risiko;
 - Mengurangkan kemungkinan kejadian dan/atau keterukan;
 - Berkongsi risiko seperti mengambil insurans dan sebagainya; dan
 - Kos kawalan risiko yang cekap dan munasabah.
- iii. Kenal pasti dan pilih rawatan yang sesuai.
- iv. Menilai pilihan rawatan berbanding kos rawatan yang dilaburkan.
- v. Dokumentasikan pelan rawatan risiko yang merangkumi peranan dan tanggungjawab, pengesahan dan kelulusan, sumber dan kewangan.
- vi. Setelah rawatan risiko dilaksanakan, risiko semasa hendaklah dinilai semula untuk memastikan tahap risiko adalah lebih rendah dan berkesan.

| Bil. | Kaedah Kawalan | Penerangan |
|------|---------------------------------|---|
| 1. | Tolak ansur (<i>Tolerate</i>) | Risiko yang boleh diterima oleh KKPMAS tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawalsecara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada. |
| 2. | Rawat (<i>Treat</i>) | Risiko yang boleh dirawat oleh KKPMAS dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi kadar risiko adalah sentiasa terkawal. |

| | | |
|----|----------------------------|--|
| 3. | Pindah (<i>Transfer</i>) | Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain KKPMAS. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan kewangan dan aset. |
| 4. | Hapus (<i>Terminate</i>) | Risiko yang tidak boleh lagi di tanggung oleh KKPMAS secara berterusan mestilah dihapuskan. Politeknik telah pun cuba menangani isu risiko ini dengan kaedah kawalan yang lain tetapi masih tidak Berjaya. |

Jadual 6: Kaedah 4Ts untuk kawalan tindak balas ke atas risiko

JADUAL PENDAFTARAN RISIKO KKPMAS (JPR KKPMAS)

JPR KKPMAS adalah merupakan satu sistem untuk menyimpan dan menganalisis data serta maklumat berkaitan risiko. Jadual ini bertujuan untuk memudahkan pemantauan Matlamat Pelan Strategik KKPMAS dapat dilakukan. Di antara maklumat penting di dalam JPR KKPMAS ialah seperti berikut:

- a. Matlamat Pelan Strategik dan pegawai yang bertanggungjawab;
- b. Maklumat insiden terdahulu yang memberi impak negatif kepada visi dan misi KKPMAS;
- c. Peruntukan perundangan dan keperluan lain yang perlu dipatuhi;
- d. Langkah kawalan sedia ada dan tindakan pencegahan yang dicadangkan;
- e. Anggaran kos tindakan pencegahan dan kawalan;
- f. Matrik penilaian risiko dan penerangannya; dan
- g. Maklumat baru yang lain mengikut perkembangan semasa.

JPR KKPMAS boleh digunakan untuk menghasilkan satu laporan risiko. Laporan ini mengandungi penilaian dan keberkesanan rawatan risiko yang telah dilaksanakan di peringkat jabatan dan unit KKPMAS. Laporan ini juga mengesahkan bahawa semua risiko yang berkaitan atau sebaliknya. Laporan risiko ini boleh diperolehi daripada JPR KKPMAS dan boleh dicetak. Oleh yang demikian, suatu prosedur atau amalan perlu digariskan untuk membolehkan pelaporan risiko ini dilaksanakan seperti di bawah:

- i. JKPR KKPMAS melalui Pengurus Risiko melaporkan mengenai risiko yang melampau dan tinggi kepada pihak Pengurusan KKPMAS pada bila-bila masa.

- ii. Keputusan perlu dilaporkan kepada JKPR KKPMAS dalam Mesyuarat Pengurusan Risiko dan Peluang KKPMAS dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan KKPMAS.

Pelan penilaian risiko dan pelan rawatan risiko perlu disediakan bagi risiko yang dikenal pasti pada tahap melampau. Risiko yang melampau dan tinggi akan dipantau terus dan disemak semula oleh JKPR KKPMAS. Risiko rendah dan sederhana perlu diuruskan oleh jabatan dan unit KKPMAS dan disemak secara berterusan.

PEMANTAUAN DAN SEMAKAN SEMULA

JKPR KKPMAS perlulah memastikan pemantauan dan semakan semula PR KKPMAS dilakukan secara berkala atau dengan kadar segera jika ianya merupakan risiko yang sangat tinggi. Aktiviti ini akan memberi maklum balas terhadap kepelbagaian persekitaran dan perubahan sumber yang boleh memberi kesan kepada risiko semasa atau kemunculan risiko baharu. Berikut adalah proses pemantauan dan semakan semula yang perlu dilakukan:

- i. Pemantauan berterusan dilaksanakan setelah rawatan risiko diadakan untuk memastikan keberkesanan rawatan atau kawalan masih efektif dan bersesuaian.
- ii. Kekerapan semakan semula bergantung kepada keberkesanan rawatan yang diadakan. Hasil dapatan semakan semula ini boleh dibincangkan di mesyuarat pengurusan jabatan dan unit KKPMAS.
- iii. Audit dalaman yang diterajui oleh Jawatankuasa Audit Dalam KKPMAS perlu menyediakan sistem untuk semakan semula, dasar, proses dan pematuhan kepada perundangan bagi PR KKPMAS. Penggunaan pendekatan berasaskan risiko oleh juruaudit dapat membantu membina suatu pengukuran dan perspektif kepada rangka PR KKPMAS.
- iv. Audit luaran meliputi kewangan, tadbir urus, kontrak, proses dan risiko pengurusan sistem. Pihak yang terbabit perlu mengambil berat dapatan daripada audit luaran dan merawat risiko dengan seberapa segera.

- v. Penyelaras Risiko di jabatan dan unit KKPMAS adalah staf yang ditugaskan untuk melaksanakan pemantauan dan semakan semula risiko berdasarkan JPR KKPMAS dan JPR KKPMAS.

KOMUNIKASI DAN PERUNDINGAN

Komunikasi dan perundingan yang berkesan adalah penting untuk memastikan bahawa individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan risiko memahami asas kepada keputusan yang dibuat dan sebab pilihan rawatan risiko dipilih. Selain itu, kefahaman kepada pemegang taruh mengenai pelan strategik KKPMAS juga adalah perlu supaya setiap yang terlibat memahami keputusan yang dilaksanakan. Kaedah komunikasi dan perundingan termasuk seperti di bawah:

- i. Mensyuarat / perbincangan
- ii. Pengedaran minit
- iii. Laporan
- iv. Sistem dalam talian komunikasi dan pembelajaran
- v. Taklimat
- vi. Risalah
- vii. Senarai edaran
- viii. Carta Alir
- ix. Latihan staf

Pendekatan kerjasama dan perundingan berkaitan adalah seperti di bawah:

- i. Membantu membentuk konteks yang sesuai.
- ii. Memastikan kepentingan semua pemegang taruh difahami dan dipertimbangkan.
- iii. Memastikan bahawa risiko dikenal pasti.
- iv. Membawa pelbagai bidang kepakaran untuk menilai atau menganalisis risiko.
- v. Memastikan pandangan sewajarnya dipertimbangkan ketika menentukan kriteria dan menilai risiko.
- vi. Pengesahan dan sokongan untuk pelan rawatan risiko.
- vii. Meningkatkan proses pengurusan yang berkaitan dengan risiko.

LAMPIRAN

***BORANG PENGENALPASTIAN HAZARD,
PENAKSIRAN RISIKO DAN PELUANG***

| BORANG PENGENALPASTIAN HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO DAN PELUANG | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|---|---|-----------------------------|--------------------|----------------|--|---------|--|--|---|--|--|
| Jabatan : | | KKPMAS & KKCRP | | | Disediakan Oleh : | | 1. Azre Bin Arifin 2. Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri 3. Mohd Azian Bin Husin @ Che Hamat | | | | | | |
| Proses / Lokasi : | | COVID-19 / Semua Lokasi | | | Tarikh Disediakan: | | | | | | | | |
| Diluluskan : (Nama, Jawatan) | | En. Hafizullah Bin Samsudin (Pengarah) | | | Tarikh Semakan : | | | | | | | | |
| Tarikh Diluluskan: | | 8 September 2021 | | | | | | | | | | | |
| 1. Hazard yang dikenalpasti | | | | 2. Analisa Risiko | | | | peluang | perundangan | Kawalan Risiko/Pelan Tindakan | | | |
| Bil. | Aktiviti Kerja/ Fasiliti | R/ NR | Hazard | Menyebab kan/ Kesan | Kawalan Semasa | Kebarangkalian | Keterukan | Risiko | suatu keadaan yang boleh memandu ke arah penambahbaikan prestasi KKP) | perundangan yang berkaitan dan perlu dipatuhi) | Kawalan/Tindakan dicadangkan | Pegawai Bertanggung jawab/ Tarikh Selesai | |
| COVID-19 | | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Pendedahan dari potensi pembawa pandemik dalam aktiviti seharian di KKPMAS & KKcRP | NR | Biologikal Jangkitan Pandemik Covid-19 | Masalah Pernafasan dan maut | -Tiada- | 3 | 5 | 15 | Norma Baru: -Kebersihan Higen -Hand Sanitizer -Pemakaian topeng muka -Penjarakan fizikal 1 meter -Tapisan Suhu badan (suhu kurang 37.5°) -Rekod kehadiran -Sanitasi | Arahan 20 MKN, AKPB 1988 | - SOP MKN - SOP pengoperasian - Pelaporan Mingguan (Jul 2020) - Norma Baru dalam operasi -Mematuhi 3S (Elakan kawasan sempit, sesak, sembang dekat) (Jul 2020) - | TP/Penyelaras OSHA | |

| | | | | | | | | | | | | |
|----|---|----------|-----------------------------|-----------------------------|---------|---|---|----|---|--------------------------|---|--------------------|
| 2. | Aktiviti kemasukan kakitangan, pelajar, pelawat, kontraktor ke tempat kerja | R | Jangkitan Pandemik Covid-19 | Masalah Pernafasan dan maut | -Tiada- | 3 | 5 | 15 | Norma Baru: -Hand Sanitizer -Pemakaian topeng muka -Penjarakan fizikal 1 meter -Tapisan Suhu badan (suhu kurang 37.5°) -Rekod kemasukan | Arahan 20 MKN, AKPB 1988 | <ul style="list-style-type: none"> - SOP MKN - SOP pengoperasian - Pelaporan Mingguan (Jul 2020) - Norma Baru dalam operasi - Mematuhi 3S (Elakan kawasan sempit, sesak, sembang dekat) (Jul 2020) | TP/Penyelaras OSHA |
| 3. | Aktiviti-aktiviti pekerjaan rutin / tidak rutin yang dijalankan di dalam kampus | R/N R | Jangkitan Pandemik Covid-19 | Masalah Pernafasan dan maut | -Tiada- | 3 | 5 | 15 | Norma Baru: -Kebersihan Higen -Hand Sanitizer -Pemakaian topeng muka -Penjarakan fizikal 1 meter -Sanitasi lokasi yang perlu -Elakkan kawasan ramai | Arahan 20 MKN, AKPB 1988 | <ul style="list-style-type: none"> - SOP MKN - SOP pengoperasian - Pelaporan Mingguan (Jul 2020) - Norma Baru dalam operasi - Mematuhi 3S (Elakan kawasan sempit, sesak, sembang dekat) (Jul 2020) | TP/Penyelaras OSHA |

| | | | | | | | | | | | | |
|----|---|--|---|-----------------------------|---------|---|------------------------|----|---|--------------------------|---|--------------------|
| 4. | Aktiviti keluar meninggalkan tempat kerja | R | Jangkitan Pandemik Covid-19 | Masalah Pernafasan dan maut | -Tiada- | 3 | 5 | 15 | Norma Baru: - Kuarantin -Rujuk mini klinik -Kebersihan Higen -Hand Sanitizer -Pemakaian topeng muka -Penjarakan fizikal 1 meter -Rekod keluar -Sanitasi lokasi yang perlu | Arahan 20 MKN, AKPB 1988 | - SOP MKN - SOP pengoperasian - Pelaporan Mingguan (Jul 2020) - Norma Baru dalam operasi - Mematuhi 3S (Elakan kawasan sempit, sesak, sembang dekat) (Jul 2020) | TP/Penyelaras OSHA |
| 5. | Mengendalikan orang yang bergejala COVID-19 | R | Jangkitan Pandemik Covid-19 | Masalah Pernafasan dan maut | -Tiada- | 3 | 5 | 15 | Norma Baru: -Hand Sanitizer -Pemakaian PPE (Pelitup muka dll) -Penjarakan fizikal 1 meter -Rekod keluar dan masuk | Arahan 20 MKN, AKPB 1988 | - SOP MKN - SOP pengoperasian - Pelaporan Mingguan (Jul 2020) - Norma Baru dalam operasi - Mematuhi 3S (Elakan kawasan sempit, sesak, sembang dekat) (Jul 2020) | TP/Penyelaras OSHA |
| 6. | Penguatkuasaan PKP (Kerja/belajar dari rumah/ rumah sewa) | | Ergonomik | | | | | | | | | |
| | | | Posisi duduk ketika menaip yang tidak selesa | Sakit badan | -Tiada- | 2 | 1 | 2 | OSHA 1994 Sek. 15 & 24 | | -Tiada- | |
| | | | Kerusi yang tidak sesuai. Tiada <i>Arm Rest, Back rest.</i> | Mengantuk/ sakit badan | -Tiada- | 2 | 1 | 2 | OSHA 1994 Sek. 15 & 24 | | -Tiada- | |
| | Pergerakan berulang | Kekejangan jari, bahu. <i>Carpal Tunnel Syndrome</i> | -Tiada- | 2 | 1 | 2 | OSHA 1994 Sek. 15 & 24 | | -Tiada- | | | |

| | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|---|------------------------|---------|---|---|---|------------------------|--|---------|--|
| | | | Posisi duduk ketika menaip yang tidak selesa | Sakit badan | -Tiada- | 2 | 1 | 2 | OSHA 1994 Sek. 15 & 24 | | -Tiada- | |
| | | | Kerusi yang tidak sesuai. Tiada <i>Arm Rest, Back rest.</i> | Mengantuk/ sakit badan | -Tiada- | 2 | 1 | 2 | OSHA 1994 Sek. 15 & 24 | | -Tiada- | |

| Tahap Risiko | | Kemungkinan | | | Keterukan | | |
|--------------|----------------------|-------------|--------------------|---|-----------|--------------|---|
| Risiko | Perihal | Skor | Kebarangkalian | Contoh | Skor | Keterukan | Contoh |
| 15 - 25 | Tinggi (T) | 5 | Kerap kali Berlaku | Kejadian yang seringkali dan kerap berlaku. Hampir setiap hari/minggu di kolej. | 5 | Sangat Besar | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tular di media sosial, internet, Reputasi Kolej yang terjejas teruk. 2. Bencana Besar Global/Kematian lebih seorang/Pandemik 3. Perhatian peringkat Kerajaan Pusat/Parlimen 4. Pemberhentian operasi kekal/Tutup 5. Kos yang sangat tinggi (>\$500,000) |
| 5 - 12 | Sederhana (S) | 4 | Boleh Berlaku | Kejadian yang boleh berlaku dan peluang ia berlaku hampir sebulan sekali di kolej | 4 | Besar | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tular di media sosial, Kerosakan serius reputasi Kolej. 2. Bencana Besar Asean/Kematian seorang/Endemik 3. Perhatian peringkat Kerajaan Negeri/DUN 4. Pemberhentian operasi sementara 5. Kos yang tinggi (< \$100k) |
| 1 - 4 | Rendah (R) | 3 | Berpotensi Berlaku | Kejadian mungkin boleh berlaku di masa depan dalam setahun sekali di Kolej | 3 | Sederhana | <ol style="list-style-type: none"> 1. Tersiar di media utama/televisyen/akhbar dan imej Kolej yang terjejas |

| | | | | | | | |
|--|--|---|-----------------------------|---|---|-----------------|--|
| | | | | | | | <ol style="list-style-type: none"> 2. Kecemasan peringkat setempat/Hilang upaya kekal/wabak penyakit 3. Perhatian peringkat Lembaga pengarah/Kementerian Pengajian Tinggi 4. Notis amaran terakhir 5. Kos sederhana (< \$25k) |
| | | 2 | Jarang-Jarang Berlaku | Kejadian jarang berlaku dan kali terakhir lebih 5 tahun yang lalu di kolej | 2 | Ringan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan dan perhatian peringkat politeknik dan imej KKPMAS terjejas sedikit 2. Kecemasan peringkat KKPMAS/Hilang upaya sementara/Penyakit berjangkit 3. Perhatian peringkat Pengarah KKPMAS 4. Notis peringatan bertulis dan amaran pertama 5. Kos rendah: (< \$5k) |
| | | 1 | Hampir Tidak Pernah Berlaku | Kejadian yang sangat-sangat jarang berlaku dan kali terakhir lebih 10 tahun yang lalu di KKPMAS | 1 | Boleh diabaikan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan dan perhatian peringkat Jabatan/unit KKPMAS 2. Insiden peringkat Jabatan/Unit/Kecederaan ringan/penyakit biasa 3. Perhatian peringkat Ketua Jabatan/Unit 4. Amaran lisan 5. Kos sangat rendah (< \$1k) |

| | |
|---------------------------|-------------|
| Klasifikasi Hazard | Fizikal |
| | Elektrikal |
| | Kimia |
| | Mekanikal |
| | Psikososial |
| | Biologikal |
| | Ergonomik |

| | |
|----------------------|---|
| Jenis Kawalan | Penghapusan (Elimination) |
| | Penggantian (Substitution) |
| | Pengasingan (Isolation) |
| | Kawalan Kejuruteraan (Engineering control) |
| | Kawalan Pentadbiran (Administrative controls) |
| | Personal Protection Equipment (PPE) |

| | |
|----------|---------|
| R | Routine |
|----------|---------|

| | |
|-----------|-------------|
| NR | Non Routine |
|-----------|-------------|

| BORANG PENGENALPASTIAN HAZARD, PENAKSIRAN RISIKO DAN PELUANG | | | | | | | | | | | | |
|--|--|---|------------|------------------------|--------------------|----------------|--|---|--|-------------------------------|---------------------------------|---|
| Jabatan : | | KKPMAS & KKCRP | | | Disediakan Oleh : | | 1. Azre Bin Arifin 2. Nurul Zulaikha Binti Mohammad Nadzri 3. Mohd Azian Bin Husin @ Che Hamat | | | | | |
| Proses / Lokasi : | | BANJIR / Semua Lokasi | | | Tarikh Disediakan: | | | | | | | |
| Diluluskan : (Nama, Jawatan) | | En. Hafizullah Bin Samsudin (Pengarah) | | | | | | | | | | |
| Tarikh Diluluskan: | | 8 September 2021 | | | Tarikh Semakan : | | | | | | | |
| 1. Hazard yang dikenalpasti | | | | | 2. Analisa Risiko | | | Peluang | Perundangan | Kawalan Risiko/Pelan Tindakan | | |
| | | | | | | | | suatu keadaan yang boleh memandu ke arah penambahbaikan prestasi KKP) | perundangan yang berkaitan dan perlu dipatuhi) | | | |
| Bil | Aktiviti Kerja/ Fasiliti | R/ NR | Hazard | Menyebab kan/ Kesan | Kawalan Semasa | Kebarangkalian | Keterukan | Risiko | | | Kawalan/Tindakan dicadangkan | Pegawai Bertanggung jawab/ Tarikh Selesai |
| BANJIR | | | | | | | | | | | | |
| 1. | Pendedahan dari potensi bencana banjir dalam aktiviti seharian di KKPMAS & KKcRP | NR | Biologikal | | | | | | | | | |

| | | | | | | | | | | | | |
|----|---|----|---|--|--------------------------|---|---|----|--|--------------------------|--|---------------------|
